

NO. SOALAN: 393

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH :

RUJUKAN : 10452

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi operasi penipuan ataupun 'scam' yang begitu berleluasa di Malaysia. Senaraikan dari tahun 2010, jumlah kerugian yang dialami oleh pengguna mengikut negeri-negeri berbanding jumlah wang yang berjaya dikembalikan.

JAWAPAN:

Antara usaha-usaha bagi membendung kes-kes penipuan pembelian atas talian seperti *e-commerce*, *love scam (African Scam)*, *Macau Scam*, penipuan pelaburan dan lain-lain ialah meningkatkan penguatkuasaan undang-undang untuk mengesan, menangkap dan seterusnya mendakwa individu-individu atau sindiket yang merancang atau melakukan jenayah penipuan. Tindakan penguatkuasaan juga diambil terhadap pemilik akaun atau dipanggil sebagai keldai akaun yang telah memberi pinjam akaun bank mereka kepada penjenayah bagi tujuan memudahkan penjenayah melakukan kegiatan ini. Siasatan juga turut dilaksanakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001. Selain itu, tindakan pencegahan turut diambil di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA).

Jumlah kes dan kerugian yang direkodkan dari tahun 2010 hingga September 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KERUGIAN (RM)
2010	7,878	160,929,539.15
2011	7,363	295,303,646.11
2012	6,180	409,306,098.52
2013	6,258	267,298,837.31
2014	5,633	288,058,860.10
2015	7,457	506,942,879.90
2016	13,149	460,600,011.44
2017	12,313	491,364,263.80